

07 MAR 2003

MIC-Cawangan/I

SEJUMLAH 75 CAWANGAN MIC BELUM ADAKAN MESYUARAT AGUNG

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Sejumlah 75 daripada 4,275 cawangan MIC di seluruh negara masih belum mengadakan mesyuarat agung tahunan mereka disebabkan tidak cukup korum, kata Presiden Parti Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Pemimpin tertinggi parti berkenaan, yang akan bertanding bagi penggal kesembilan memegang jawatan pada pencalonan presiden MIC esok, berkata mereka telah diminta untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan masing-masing selepas 12 Mac.

"Tarikh setiap mesyuarat akan diserahkan kepada budi bicara Setiausaha Agung (S.Sothinathan, yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan) dan beliau akan menetapkan mana-mana tarikh selepas 12 Mac untuk cawangan-cawangan itu mengadakan mesyuarat agung tahunan mereka," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC di ibu pejabat parti itu di sini.

Berdasarkan perlembagaan parti, sesebuah cawangan dikehendaki mengadakan mesyuarat agungnya setiap tahun dan ia perlu dihadiri oleh 30 peratus atau sekurang-kurangnya 50 anggota cawangan yang berdaftar.

Dalam perkembangan lain, Samy Vellu berkata kepimpinan parti itu tidak menerima sebarang laporan berkaitan pelanggaran disiplin di kalangan anggota-anggota parti semasa mengendalikan pemilihan di peringkat cawangan dan mesyuarat agung tahunan.

Bulan lepas, Samy Vellu memberikan amaran bahawa para pemimpin peringkat bahagian MIC yang membawa pengerusi cawangan pergi melancang bagi memancing undi pada pemilihan peringkat bahagian akan dikenakan hukuman berat. Beliau turut menyebut mengenai dua kes seumpama itu tahun lepas.

Semasa ditanya sama ada terdapat laporan yang baru, beliau berkata: "Saya gembira menyatakan tiada sebarang laporan baru. Pada masa ini tiada siapapun yang malahan keluar dari rumah mereka."

Beliau juga berkata mesyuarat hari ini turut membuat keputusan mengenai pembentukan sebuah jawatankuasa resolusi, yang akan diketuai Timbalan Presiden MIC Datuk S. Subramaniam.

"Jawatankuasa lima anggota ini akan mengumpul kesemua resolusi yang dicadangkan dan akan diperakukan oleh parti pada persidangan perwakilan tahunan mereka pada 10 Mei," kata beliau lagi.

Persidangan tahun ini akan dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang turut dijangka merasmikan mesyuarat agung tahunan MIC Wilayah Persekutuan yang diketuai Samy Vellu pada 1 Mei.

Jawatankuasa Kerja Pusat juga menetapkan 1 Mei sebagai tarikh pencalonan untuk jawatan-jawatan tertinggi yang lain iaitu timbalan presiden, tiga naib presiden dan 23 anggota jawatankuasa kerja pusat. Pemilihan parti MIC akan diadakan pada 10 Mei.

Pemilihan peringkat bahagian akan selesai menjelang akhir bulan ini manakala mesyuarat agung tahunan negeri pula menjelang April.

-- BERNAMA

SR AHH JK ROS